

SINGAPURA, Ahad

BEBERAPA kumpulan yang dikatakan menyebarluaskan ajaran songsang telah menggunakan silat kebatinan sebagai 'gula-gula' untuk menarik pemuda-pemudi.

Sekurang-kurangnya 10 buah kumpulan tidak berdaftar dipercayai bergerak dengan penganjur-penganjurnya bertopeng sebagai guru silat yang mempunyai kuasa luar biasa.

Bagaimanapun pergerakan kumpulan-kumpulan yang mempunyai antara 20 hingga 50 orang anggota itu diketahui oleh badan induk silat, Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff berkata, kumpulan-kumpulan itu pernah dipelawa untuk menjadi kerabat persekutuan, tetapi

Ajaran songsang: Silat diguna pikat kaum remaja

27 MAY 1985

tidak satu pun yang bersedia.

BELIA

Pelawaan itu dibuat, beliau menjelaskan, kerana Persisi ingin melihat semua kumpulan silat di sini menjalankan kegiatan yang sihat.

Meragukan

Beliau juga menegaskan, tidak semua kumpulan silat yang mengajar ilmu kebatinan ini menyeleweng perjalannanya kerana terdapat kumpulan silat yang mengajar ilmu kebatinan selaras dengan apa yang dibenarkan

oleh agama.

Encik Johari menambah, kumpulan-kumpulan yang menyeleweng itu selalunya mengajar pengikutnya bermacam jenis zikir, puasa dan sembahyang semata-mata untuk mendapatkan apa yang mereka dakwa sebagai kekuatan batin.

B. Harlan (M)

"Memandangkan bahawa zikir, puasa dan sembahyang itu bukan dilakukan untuk ibadah tetapi untuk mendapatkan kekuatan batin, tentulah ajaran-ajaran itu meragukan," kata Encik Johari. — BMS.

Persisi mulakan pendaftaran utk kejuaraan silat

28 MAY 1985

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) sekali lagi akan menganjurkan pertandingan Olahraga Silat sempena Pesta Sukan Singapura.

Peraduan tersebut dibuka kepada semua perguan silat yang menjadi anggota Persisi.

Peringkat saringan akan berjalan selama empat hari, iaitu pada 27 dan 28 Julai, serta 3 dan 4 Ogos, di dewan Balai Rakyat Kampong Ubi. Peringkat akhirnya akan diadakan di Dewan Badminton Singapura pada 17 dan 18 Ogos.

Pertandingan tersebut akan dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Remaja (lelaki/wanita), Dewasa (lelaki/wanita) dan Terbuka Lelaki.

Bagi peringkat remaja dan dewasa, para peserta harus mempunyai kelayan kelas A hingga H. Mereka harus berusia antara 14 dengan 17 tahun.

Pengiraan usia akan dibuat mengikut tarikh 17 Julai 1985.

Bagi bahagian terbuka pula, setiap peserta harus mempunyai berat badan 80 kilogram ke atas.

Bayaran sebanyak \$15 dikenakan bagi setiap peserta. Kumpulan silat boleh menghantar seramai empat pesilat untuk setiap satu bahagian.

Setiap peserta mestilah mempunyai lesen Unit Kawalan Seni Pertahanan Diri (MACU). Jurulatih silat yang berlesen tidak dibenarkan mengambil bahagian.

Jawatankuasa pentadbir menawarkan hadiah wang tunai yang masih belum ditetapkan kepada juara dan naib juara pertandingan. Pemenang juga akan menerima hadiah berupa piala dan pingat.

Tarikh tutup penyertaan ialah 3 Julai depan.

Ketika dihubungi, Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H. M. Uriff, berkata bahawa beliau menjangka kira-kira 120 orang pesilat akan menyertai peraduan ini. Seramai 30 pesilat dijangka bertanding dalam setiap bahagian.